JABATAN PERDANA MENTERI

Maksud Bekalan/Pembangunan 6



Mengurus	Pembangunan		Jumlah
RM	RM		RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
5,739,550,700	7,768,379,800	3,175,000	13,511,105,500

OBJEKTIF

Menentukan segala urusan pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, istiadat dan selenggaraan dilaksanakan mengikut peraturan dan arahan dari semasa ke semasa demi untuk melicinkan pentadbiran negara.

PELANGGAN

(i) SPB Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong;

(ii) DYMM Sultan dan Raja Negeri-negeri;

(iii) Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim;

(iv) Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Anggota Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri;

(v) Bekas SPB Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong;

(vi) Bekas Perdana Menteri;

(vii) Kementerian dan Jabatan Persekutuan;

(viii) Kerajaan Negeri-negeri;

(ix) Badan-badan Berkanun;

(x) Ahli Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara);

(xi) Tetamu Luar Negara;

(xii) Pegawai dan Kakitangan Kerajaan; dan

(xiii) Orang Awam.

STRATEGI

Program ini mengamalkan budaya berjimat cermat di samping mempertingkatkan keupayaan dan penghasilan kerja yang tinggi dengan tenaga kerja yang sederhana. Program ini juga melaksanakan aktiviti selaras dengan objektif di samping meneruskan perkhidmatan sokongan.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN

Objektif – Memberi perkhidmatan sokongan termasuk pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, keselamatan, sosial dan lain-lain kepada warga Jabatan Perdana Menteri dengan cekap dan berkesan, mengikut peraturan dan arahan yang telah ditetapkan.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif – Menentukan pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan, perakaunan dan khidmat pengurusan dilaksanakan mengikut dasar, perundangan/peraturan dan garis panduan semasa.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. aktiviti khidmat pengurusan	300	350	380
Bil. aktiviti kewangan dan pembangunan	34	40	45
Bil. aktiviti pengurusan sumber manusia	1,040	1,050	1,060
Bil. aktiviti bahagian akaun	1,900	1,900	1,900
Bil. aktiviti audit dalam	92	95	95

Aktiviti 2 : Kabinet, Perlembagaan Dan Perhubungan Antara Kerajaan

Objektif – (a) Memberi khidmat keurusetiaan yang cekap dan berkesan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri, Mesyuarat Khas Jemaah Menteri, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Mesyuarat-mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara; dan (b) Memastikan urusan dan hal ehwal persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi Jabatan Perdana Menteri mengenai pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Rang Undang-undang, Usul, Perbahasan, Titah DiRaja dan bajet serta urusan-urusan Kerajaan yang lain diuruskan dengan teratur.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat Jemaah Menteri dan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara	70	76	76
Bil. mesyuarat/Titah DiRaja, Takwim Parlimen, pertanyaan/jawapan Parlimen	4,710	4,010	4,410
Bil. pelantikan di bawah Undang-undang dan Perlembagaan	55	62	62
Bil. nota/kertas yang disediakan untuk pertimbangan	7	7	7

Aktiviti 3 : Lembaga Penasihat

Objektif – (a) Mempertimbangkan representasi (rayuan) Orang Tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Semakan 1972) (ISA 1960), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 (E/PO/Pc)O 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1985 ke atas Perintah Tahanan yang dikenakan ke atas mereka; dan (b) Mengulang kaji kes orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Perintah Tahanan, Penggantungan Perintah Tahanan dan juga Perintah Sekatan dari masa ke semasa mengikut kehendak sebagaimana yang terdapat di dalam ketiga-tiga undang-undang tersebut.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. Akta Keselamatan Dalam Negeri	82	500	500
Bil. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah pencegahan khas)	1,492	1,600*	1,600*
Bil. Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)	761	1,050	1,050*

(*) Bergantung kepada bilangan kes-kes yang didaftarkan mengikut peruntukan undang-undang.

Aktiviti 4 : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

Objektif – Menjadi pusat rujukan kepada semua isu berkenaan keselamatan perlindungan meliputi keselamatan fizikal, dokumen dan personel serta keselamatan, di samping menggubal, mengeluarkan dan menentukan dasar keselamatan perlindungan untuk dilaksanakan dengan sempurna.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. naziran keselamatan perlindungan	793	800	810
Bil. proses pengeluaran sijil tapisan keselamatan	104,921	59,000	59,000
Bil. pemeriksaan dan pengurusan sasaran penting serta kawasan larangan tempat larangan	537	604	604
Bil. kursus/ceramah/syarahan/taklimat keselamatan perlindungan	375	397	397

Aktiviti 5 : Biro Tatanegara

Objektif – (a) Mengendalikan pelbagai kursus dan seminar pemupukan patriotisme kepada semua lapisan masyarakat termasuk anggota komuniti institusi pendidikan, belia, pekerja awam dan swasta, anggota pertubuhan, serta pemimpin dan pemaju masyarakat; (b) Mewujudkan media penyampaian pendidikan kenegaraan kepada semua rakyat Malaysia melalui media elektronik dan cetak; (c) Mewujudkan kumpulan kader dan sukarelawan Biro Tatanegara di seluruh negara melalui program latihan lanjutan '*task force'* dan khidmat masyarakat (*community service*); (d) Meningkatkan kualiti Program Bina Negara melalui kegiatan penyelidikan; dan (e) Penyelidikan mengenai keberkesanan dasar-dasar kerajaan dan kajian mengenai kerenggangan antara Kerajaan dan rakyat.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2010 (Sebenar)**	**2011 (Anggaran)**	**2012 (Anggaran)**
Bil. kursus Bina Negara	348	502	502
Bil. seminar Bina Negara	430	436	436
Bil. seminar Bina Negara Mahasiswa	164	136	136
Bil. kursus Bina Negara Mahasiswa	396	242	242
Bil. kursus Kenegaraan SSM	450	0	0

Aktiviti 6 : Istiadat Dan Urusetia Persidangan Antarabangsa

Objektif – Menguruskan Istiadat dan Protokol Negara, Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran Persekutuan, Lawatan Pembesar-pembesar Negara, Persidangan Antarabangsa dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya yang terbaik berteraskan kecemerlangan kerja yang berkualiti.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2010 (Sebenar)**	**2011 (Anggaran)**	**2012 (Anggaran)**
Bil. bantuan protokol semasa lawatan rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negara dan Ketua-ketua Negara Asing ke Malaysia	51	60	60
Bil. penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan	1,637	1,900	2,000
Bil. khidmat nasihat mengenai adat istiadat dan protokol di majlis rasmi kerajaan (MRK)	274	280	280
Bil. khidmat nasihat dan bantuan kemudahan persidangan antarabangsa	94	100	120
Bil. kemudahan diberikan bagi acara yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)	480	540	603

Aktiviti 7 : Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif

Objektif – (a) Mewujudkan suasana *ICT-intensif* dengan mengadakan *knowledge base management* dalam bidang-bidang pentadbiran dan pengurusan yang akan membantu proses

membuat keputusan; dan (b) Menjadikan ICT sebagai *enabler* dalam meningkatkan kualiti, produktiviti dan kecekapan pegawai dan kakitangan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. peningkatan peratus penggunaan SMPKE oleh pengguna (%)	90	94	95
Bil. peningkatan permohonan dan kemudahan oleh pengguna baru (%)	20	25	20
Bil. peratusan tahap keberkesanan latihan kepada pengguna (%)	30	40	45
Bil. peratusan pengurangan sistem *down time* (%)	1	1	1
Bil. peratusan tahap kepuasan pengguna (%)	92	94	95

Aktiviti 8 : Agensi Inovasi Malaysia (AIM)

Objektif – (a) Mewujudkan kerjasama antara pihak kerajaan, peserta industri dan peserta akademia untuk menjalankan projek dalam bidang khusus bagi mencapai matlamat menghasilkan produk dan perkhidmatan yang dikehendaki pasaran; (b) Membina masyarakat yang berfikiran kritis, analitis, konstruktif dan kreatif melalui program – program yang dijalankan di sekolah dan universiti; (c) Mencungkil hak intelek sedia ada di universiti dan institusi penyelidikan awam dalam negara; (d) Meningkatkan prestasi MARA menggunakan *Blue Ocean Strategy* bagi merangsang inovasi di kalangan masyarakat Bumiputera; dan (e) Meningkatkan tahap inovasi dan prestasi penyelidikan awam dan jabatan kerajaan yang relevan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. projek *Innovation Accelerator* dijalankan	-	9	9
Bil. bancian dan bengkel komersialisasi hak intelek dijalankan	-	3	3
Bil. projek/ bengkel/ *roadshow*/ latihan	-	6	6

PROGRAM 2 : UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)

Objektif – Menentukan penyelarasan dasar, strategi dan program Pembangunan Ekonomi Negara bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang dirangka dengan terancang, cekap dan sempurna. UPE juga berperanan bagi memberi nasihat dan perakuan kepada Kerajaan berhubung dengan isu-isu pembangunan ekonomi yang mapan demi mengekalkan kemakmuran negara.

Aktiviti 1 : Perkhidmatan Korporat / Am

Objektif – Membantu UPE, JPM mencapai objektif melalui khidmat sokongan dari segi nasihat perundangan, pentadbiran, personel, pengurusan kewangan, pengurusan sumber maklumat, ICT, keurusetiaan dan perhubungan awam dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat dasar diselaraskan	13	12	12
Bil. peratus pengisian jawatan yang diisi (%)	69	70	70
Bil. kursus/latihan dalaman diselaraskan	17	14	14
Bil. laporan aset alih kerajaan dikemukakan kepada JKPAK, JPM	4	4	4
Bil. peratus perbelanjaan mengurus (%)	99.31	95	95

Aktiviti 2 : Perancangan Ekonomi / Sektor

Objektif – (a) Membangunkan masyarakat perdagangan Bumiputera yang berdaya tahan, mapan, berdikari, berpengetahuan serta bertaraf dunia; (b) Memberi tumpuan pada sub-sektor perkhidmatan kewangan, pendidikan, pembinaan, pelancongan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan, perdagangan, pengedaran dan perkhidmatan berkaitan pembuatan, perkhidmatan perniagaan, profesional dan industri halal; (c) Merangka dan merancang dasar, strategi dan program pembangunan secara lebih selaras bagi sektor pembuatan, enterpris kecil dan sederhana (EKS), sains dan teknologi (S&T) serta bioteknologi; (d) Memastikan perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan serta kemudahan-kemudahan awam mencukupi, efisyen dan keberkesanan kos serta ianya dapat disediakan secara kompetitif; (e) Mempunyai industri ICT yang inovatif berserta infrastruktur yang lengkap yang dapat menyokong pembangunan negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan; (f) Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum menerusi peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan serta menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi; (g) Merancang, mengkaji dan menganalisa isu-isu pertanian dan industri asas tani termasuk pembangunan komoditi industri, tanaman makanan, ternakan, perikanan dan pemprosesan produk berasaskan pertanian/industri asas tani; (h) Membuat analisis dan perakuan mengenai langkah-langkah pemulihan ekonomi negara, membentuk ekonomi berdaya saing dan menangani pelaburan swasta; dan (i) Merancang strategi dan dasar kerjasama antarabangsa dengan negara-negara selatan dan agensi pembangunan antarabangsa.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat Majlis Ekonomi	32	30	30
Bil. ekonomi polisi dalam isu berbentuk *cross cutting*	180	120	120
Bil. pembentangan berkala perkembangan terkini ekonomi dan domestik	31	10	10
Bil. pemantauan pelaksanaan projek yang diluluskan dalam *1st Rolling Plan* RMKe-10 (Sektor Industri)	-	93	93

Aktiviti 3 : Malaysian Development Institute (MDI)

Objektif – (a) Menyediakan hala tuju makro dan strategi-strategi bagi pertumbuhan dan pembangunan negara termasuk sumber pertumbuhan baru berdasarkan teras Misi Nasional; (b) Menyediakan cadangan dasar dalam menyelesaikan isu-isu sosio ekonomi dan pembangunan; dan (c) Menjadi platform yang mudah didekati bagi perbincangan dan perundingan di antara pihak Kerajaan, akademia, swasta dan NGO secara berkala serta mempertingkatkan pengukuhan jaringan dengan institusi penyelidikan (tempatan dan antarabangsa).

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2010 (Sebenar)**	**2011 (Anggaran)**	**2012 (Anggaran)**
Bil. seminar *Economic Policy*	6	6	6
Bil. pembentangan kertas kerja berkaitan perkhidmatan kepakaran bagi penggubalan dasar sosio ekonomi dan pembangunan Negara	3	8	8
Bil. *compedium* berkaitan perkhidmatan kepakaran bagi penggubalan dasar sosio ekonomi dan pembangunan Negara	2	2	2
Bil. pendaftaran penyelidik	170	200	200

PROGRAM 3 : UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (UPP)

Objektif – Menjadi agensi pusat yang unggul dan berwibawa dalam memantau pelaksanaan rancangan pembangunan negara.

Aktiviti 1 : Penyelarasan Projek Khas

Objektif – (a) Menentukan pengurusan dan pelaksanaan tugas-tugas khas dan projek di bawah Peruntukan Khas, Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan Infrastruktur Asas teratur dan berkesan; dan (b) Memastikan pelaksanaan Mesyuarat Jentera Penyelarasan Pelaksanaan selaras dengan arahan No. 1/2004.

PRESTASI AKTIVITI

Output	**2010 (Sebenar)**	**2011 (Anggaran)**	**2012 (Anggaran)**
Bil. mesyuarat jawatankuasa Kerja Tindakan Negara	6	12	12
Bil. mesyuarat Pengarah-pengarah ICU JPM	9	6	6
Bil. mesyuarat pengurusan tinggi ICU JPM	15	20	20
Bil. memorandum Jemaah Menteri dan laporan berkala Mengenai Pelaksanaan Dasar dan Keputusan Kerajaan	108	108	108

Aktiviti 2 : Pusat Transformasi Penyampaian

Objektif – Menjadi agensi pusat utama bagi memantau pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek pembangunan serta menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan cekap dan berkesan supaya pelaksanaannya selaras dengan matlamat pembangunan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. peratusan pengemaskinian maklumat dalam SPP II (%)	89.33	93.3	93.3
Bil. peratusan kekerapan mesyuarat berdasarkan Arahan No.1 Tahun 2004 (%)	40.09	80.0	80.0
Bil. kertas yang dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat projek pembangunan peringkat nasional, negeri dan kementerian	350	116	116
Bil. lawatan *P-Forensic* (intervensi projek pembangunan)	27	60	60
Bil. peratusan ulasan terhadap memorandum Jemaah Menteri mengenai Laporan Tahunan dan Penyata Badan-Badan Berkanun Persekutuan (%)	99.07	95.0	95.0

Aktiviti 3 : Penyelarasan Dasar

Objektif – (a) Memastikan pengurusan kewangan, personel dan teknologi maklumat jabatan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan keperluan organisasi dan memberi khidmat bantuan dan sokongan yang terbaik kepada pelanggan; dan (b) Memantau keberkesanan strategi dan objektif dasar penyusunan semula masyarakat dan dasar pengagihan kekayaan negara serta memastikan pelarasan pelaksanaan projek-projek ekonomi utama Kerajaan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. peratusan pengisian perjawatan (%)	94.22	90.0	90.0
Bil. peratusan prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus dan pembangunan (%)	97.97	97.45	97.45
Bil. peratusan ketersediaan dan kebolehpercayaan infrastruktur dan aplikasi ICT (%)	95.0	95.0	95.0
Bil. mesyuarat pemantauan, naziran,workcamp berkaitan SDSI	11	16	22
Bil. penilaian prestasi pelaksanaan program/projek pembasmian kemiskinan	8	8	8

PROGRAM 4 : MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

Objektif – Memastikan penggubalan dan penyelarasan serta pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan Keselamatan Negara serta arahan langkah-langkah keselamatan dikendalikan secara terancang, komprehensif dan bersepadu.

Aktiviti 1 : Bahagian Khidmat Pengurusan

Objektif – Memastikan semua Bahagian dan MKN Negeri diberi khidmat sokongan yang meliputi pengurusan kewangan dan akaun, pemprosesan e-perolehan, pengurusan sumber manusia, pembangunan sumber manusia dan pentadbiran am pejabat dijalankan secara cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran disediakan	7,393	8,500	8,500
Bil. pemprosesan cek/surat/slip	10,836	12,000	12,000
Bil. urusan e-Perolehan	479	500	500
Bil. pengurusan perjawatan	750	780	830
Bil. kelulusan berbelanja bagi seminar, kursus/latihan dan mesyuarat	610	650	700

Aktiviti 2 : Bahagian Komunikasi Strategik

Objektif – Memastikan usaha-usaha gerak saraf dan perang saraf dilaksana secara terancang dan berterusan terhadap kumpulan sasar tertentu supaya dapat mempertingkatkan penghayatan dan sokongan rakyat terhadap dasar atau program Kerajaan yang dipertikaikan supaya tidak menjejaskan ketenteraman awam, keselamatan negara atau menggugat kewibawaan Kerajaan, di samping melemah dan mematahkan tentangan musuh terhadap negara selari dengan kepentingan keselamatan negara.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. berita isu-isu semasa dalam negeri	159	170	180
Bil. penyediaan kertas kerja dan laporan isu	81	90	90
Bil. taklimat/ceramah keselamatan negara	63	70	70
Bil. lawatan terhadap kumpulan sasaran	60	65	70
Bil. seminar/forum/ko-kurikulum	8	12	12

Aktiviti 3 : Urusetia Majlis Keselamatan Negara

Objektif – (a) Memastikan tahap pengurusan krisis yang cekap dan berkesan semasa darurat supaya keadaan ketenteraman awam sentiasa terjamin; (b) Merancang dan melaksana projek pembangunan sosio ekonomi di kawasan sempadan; dan (c) Menyelaras dan memantau peraturan/perundangan keselamatan secara bersepadu dan teratur.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kertas maklum balas Jemaah Menteri mengenai Dasar MKN	195	200	200
Bil. kertas kerja, laporan dan kertas Jemaah Menteri berkaitan kemajuan projek projek KESBAN/ SEDEC/ SOSEK/ MALINDO	22	25	25
Bil. mesyuarat Jawatankuasa Perisikan Negara dan Kumpulan Kerja Perisikan Negara	5	5	5
Bil. analisis laporan dan penyediaan kertas kerja perisikan	71	80	80

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. keurusetiaan mesyuarat Hal Ehwal Keselamatan dan Pembangunan Sempadan	143	150	155

Aktiviti 4 : Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan)

Objektif – Memastikan perancangan, penempatan dan pengusiran pendatang tanpa izin di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan secara teratur dan berkesan demi menjamin kepentingan keselamatan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. operasi Nyah II (siri)	6	11	10
Bil. operasi Nyah II Bersepadu (siri)	14	8	8
Bil. operasi Tanduk (siri)	-	14	10
Bil. operasi Kanak-kanak Jalanan (siri)	6	11	10

Aktiviti 5 : Pengurusan Bencana Negara

Objektif – (a) Memastikan tahap kemampuan jentera pengurusan bencana yang cekap dan berkesan oleh pelbagai agensi dan jabatan semasa berlaku bencana; (b) Memastikan langkah serta tindakan pantas dan efektif kerja-kerja mencari, mengesan dan menyelamat mangsa-mangsa kejadian bencana; (c) Meningkatkan tahap kemantapan pasukan penyelamat dengan penggunaan peralatan efektif dan berteknologi tinggi; dan (d) Mengurangkan kesan kemalangan jiwa dan tahap kesengsaraan mangsa-mangsa bencana dan kerugian harta benda melalui kecekapan dan keberkesanan operasi mencari dan menyelamat.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat dan koordinasi pengurusan krisis / bencana	-	-	7
Bil. penyediaan kertas Jemaah Menteri / laporan bencana / kertas kerja	-	-	20
Bil. latih amal / lawatan / seminar / Mesyuarat Program Pendidikan Pengurusan Bencana	-	-	25
Bil. bantuan bencana / penyelenggaraan Aset Stor Berpusat	-	-	15
Bil. latihan dan operasi bantuan menyelamat pasukan SMART	-	-	35

Aktiviti 6 : Keselamatan Negeri

Objektif – Memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di peringkat negeri terpelihara dari ancaman luar dan dalam negeri khususnya berkaitan isu perkauman, sosial, agama, politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, kesihatan, penyalahgunaan dadah, bencana alam/industri, penerbitan, pendatang asing, alam sekitar dan hak asasi manusia.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat J/K Kerja Keselamatan Negeri	51	56	56
Bil. mesyuarat J/K Perancangan Gerakan Negeri	46	55	55
Bil. mesyuarat J/K Pengurusan Bencana dan Banjir	58	60	60
Bil. mesyuarat J/K Sempadan	17	20	20
Bil. aktiviti GSPS dan penerangan/ taklimat keselamatan	991	980	980

PROGRAM 5 : JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Objektif – (a) Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat; (b) Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, berdedikasi dan berhikmah; dan (c) Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif – (a) Memberikan perkhidmatan dalam urusan pentadbiran am, pengurusan sumber manusia dan kewangan yang cekap dan berkesan kepada semua bahagian di JAKIM; dan (b) Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan hal ehwal Islam di negara ini melalui sistem pengurusan yang berkesan melalui ICT.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran diproses	11,010	11,560	12,138
Bil. pengisian perjawatan	90	97	95
Bil. mesyuarat pengurusan JAKIM	10	11	12
Bil. hits portal JAKIM	1,573,723	1,954,002	2,149,402
Bil. mesyuarat, dialog dan persidangan bagi menyelesaikan isu-isu semasa dan penyelarasan undang-undang syarak dan sivil	48	52	52

Aktiviti 2 : Dasar

Objektif – (a) Menyelaras dan menyeragamkan undang-undang Islam seluruh Malaysia dan menguatkuasakan undang-undang syarak negeri-negeri; (b) Mengawal penyelewengan akidah oleh kumpulan yang menyeleweng dan mengancam keselamatan negara; (c) Menerajui usaha-usaha penyelidikan isu-isu semasa dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalat; dan (d) Membangunkan dan menyelaras pengurusan pendidikan Islam sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. program-program dianjurkan	8	10	10
Bil. pensijilan halal dalam dan luar negara	3,081	3,200	3,800

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kajian dan pemantauan dilakukan	650	670	650
Bil. program penyelarasan pengurusan dan pembangunan fatwa dalam dan luar negara	21	22	21
Bil. program penyelarasan meningkatkan kualiti pendidikan, latihan, pengajaran, pembelajaran, kurikulum dan buku teks bagi program KAFA, Sekolah-sekolah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SMAR)	50	50	50

Aktiviti 3 : Pembangunan Insan

Objektif – (a) Melahirkan kader-kader pendakwah dan ilmuwan Islam melalui program latihan di institusi – institusi latihan Islam; (b) Memantau dan menyelaras pelaksanaan dasar-dasar Islam; (c) Meningkatkan kolaborasi rangkaian dakwah dengan badan-badan bukan kerajaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan (d) Menerajui gerakan dakwah secara bersepadu dengan kumpulan sasar melalui dakwah bil-hal, media cetak, media elektronik dan media-media baru.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. program-program dakwah	8,600	8,640	9,000
Bil. penerbitan dan penyiaran rancangan TV dan radio	5,302	5,660	5,680
Bil. penerbitan majalah, buku dan risalah dakwah	73	77	74
Bil. program pembangunan keluarga Islam dan pembangunan sosial	50	60	60
Bil. kursus asas dan induksi, program pembangunan modul dan kurikulum, latihan dan kerjaya, program Pusat Penilaian JAKIM dan pemantauan Standard Kualiti Pengurusan Pusat-Pusat Latihan dan Standard Kualiti Pengurusan Pusat-Pusat Akademik	45	62	62

Aktiviti 4 : Darul Quran

Objektif – (a) Melatih pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam ilmu tahfiz al-Quran dan Pengajian Islam; (b) Melahirkan *Huffaz (*hafiz dan hafizah) serta *Qurra (*Qari dan Qariah) yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu Islam dan Al-Quran; dan (c) Melahirkan *Du'at* (pendakwah) pendidikan dan para imam yang terlatih.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. huffaz berjaya ditauliahkan	320	450	450
Bil. huffaz yang mahir dalam pembacaan al-Quran di peringkat pengajian Sarjana Muda	35	50	75

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
kerjasama USIM			
Bil. pengajian kursus jangka pendek Sijil Tinggi Tarannum al-Quran kepada orang awam	28	30	40
Bil. pengajuran kursus jangka pendek Asas Qiraat kepada pelajar lepasan SPM	55	60	60

Aktiviti 5 : Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Objektif – Bertanggungjawab berkaitan hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan dan mencegah kesalahan jenayah syariah di sekitar Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. aduan diambil tindakan	2,326	2,210	2,210
Bil. operasi dijalankan	292	514	514
Bil. kes diambil tindakan	2,149	1,517	1,517
Bil. pentadbir sekolah Rendah Agama (SRA)/ Sekolah Rendah Agama Islam (SRAI)/ Sekolah Menengah Agama (SMA)	86	85	87
Bil. pendaftaran KAFA dijalankan	124	124	130

Aktiviti 6 : Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

Objektif – (a) Melaksanakan latihan yang berkesan melalui pendekatan Islam dan penyelarasan kursus yang cekap dan teratur; dan (b) Memantapkan pegawai pengurusan Hal Ehwal Islam dan perjawatan awam yang bertakwa, kompeten dan cekal menghadapi cabaran.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. program pengurusan, undang-undang, ekonomi dan kewangan Islam	48	33	33
Bil. program Pusat Pembangunan Keluarga Islam dan Pusat Pengajian Sains Dakwah	63	35	35
Bil. program pusat Al-Quran dan pusat bahasa	56	35	35
Bil. program pusat teknologi maklumat	14	9	9
Bil. program Latihan ILIM Wilayah	15	20	30

Aktiviti 7 : JAKIM Sabah

Objektif – Merancang dan menguruskan hal ehwal Islam negeri Sabah seperti pentadbiran, dakwah dan KAFA; dan (b) Mengendalikan pusat-pusat latihan bagi JAKIM Sabah.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. program dakwah	100	120	150
Bil. program hari-hari kebesaran Islam	30	30	30
Bil. program pendidikan	50	55	60

Aktiviti 8 : JAKIM Sarawak

Objektif – (a) Merancang dan menguruskan hal ehwal Islam negeri Sarawak seperti pentadbiran, dakwah dan KAFA; dan (b) Mengendalikan pusat-pusat latihan bagi JAKIM Sarawak.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. program dakwah	400	400	400
Bil. program pengurusan dan keurusetiaan	41	41	41
Bil. program penyelidikan	79	80	80
Bil. Program Pusat Latihan Sarawak (PLS)	53	65	70
Bil. Program Institusi Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)	2	2	2

PROGRAM 6 : BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH (BPH)

Objektif – Menguruskan keperluan kuarters, ruang pejabat dan tempat istirehat supaya kondusif dan selesa untuk Anggota Perkhidmatan Awam serta menyelenggarakan, mengawal selia dan merancang penggunaan hartanah milik Kerajaan Persekutuan dengan cekap dan berkesan.

Aktiviti 1 : Pentadbiran, Kewangan Dan Teknologi Maklumat

Objektif – (a) Memberi perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dalam bidang pentadbiran, perkhidmatan, kewangan dan perakaunan yang menepati objektif program secara keseluruhannya; dan (b) Membantu, menyedia, membangun dan menyelaras prasarana teknologi maklumat dan komunikasi BPH.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. baucar yang disediakan	9,428	10,000	10,200
Bil. resit dikeluarkan	29,514	32,346	35,500
Bil. tuntutan lebih masa diproses	1,950	2,000	2,200
Bil. nota minta disediakan (guna sistem eSPKB untuk agensi Kerajaan)	18	15	15

Aktiviti 2 : Pembangunan

***Objektif* –** (a) Merangka dan mengurus projek pembangunan seperti Bangunan Gunasama Persekutuan, Rumah Peranginan/Penginapan Persekutuan dan Projek Khas; (b) Menyediakan kertas cadangan dan dokumentasi berkaitan pembangunan projek serta kajian keperluan dari Jabatan/Agensi Persekutuan terlibat; dan (c) Merangka, menggubal dan menambah baik dasar-dasar Bahagian yang berkaitan dengan pekeliling, peraturan, garis panduan berkaitan penggunaan dan pengurusan aset.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Projek Bangunan Gunasama Persekutuan:			
Bil. daerah disyorkan untuk kelulusan	4	4	2
Bil. kertas konsep	1	2	2
Projek Rumah Peranginan Persekutuan:			
Bil. kawasan sasaran/zon	1	4	3
Bil. kertas konsep untuk pertimbangan UPE	1	4	2

Aktiviti 3 : Pengurusan Kuarters

Objektif – (a) Mengurus permohonan dan pengagihan kuarters kepada Anggota Perkhidmatan Awam secara cekap dan berkesan; (b) Menjaga dan mengawal selia harta dan tanah Kerajaan di bawah kawalan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya, Petaling Jaya, KLIA dan kompleks Imigresen dan Kastam Johor Bahru; (c) Memastikan kuarters tidak disalah guna seperti disewakan kepada orang lain, dijadikan tempat berniaga dan penguatkuasaan ke atas penghuni hilang kelayakan kerana bersara; dan (d) Penguatkuasaan tanah milik Kerajaan Persekutuan agar tidak dicerobohi.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. pendaftaran permohonan kuarters	10,023	9,205	9,205
Bil. surat tawaran kuarters dikeluarkan	6,439	7,000	7,000
Bil. kuarters dibuat pemantauan/ teguran	78,425	72,000	72,000
Bil. kes yang dibawa ke mahkamah	160	30	30
Bil. kuarters dibuat pemeriksaan/ penguatkuasaan	661	12,360	12,360

Aktiviti 4 : Penyelenggaraan Kuarters

Objektif – Memastikan kuarters Kerajaan diselenggara dengan baik supaya berada dalam keadaan kondusif, selesa dan selamat untuk diduduki.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kuarters yang diselenggara / dijalankan pembaikan sendiri	1,429	1,500	1,500

Aktiviti 5 : Pengurusan Ruang Pejabat

Objektif – Menentukan ruang pejabat / bangunan yang diduduki atau disewa oleh Jabatan / Kementerian mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kelulusan permohonan penyewaan	640	600	600
Bil. mesyuarat Jawatankuasa Ruang Pejabat	24	24	24
Bil. lawatan pemantauan	6	12	12

Aktiviti 6 : Pengurusan Rumah Peranginan

Objektif – Menentukan segala aspek dalam pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan (RPP), Rumah Penginapan Persekutuan (RP) dan Rumah Transit dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berada pada tahap kerja yang tinggi.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. permohonan tempahan Rumah Peranginan Persekutuan	11,750	12,270	12,795
Bil. permohonan tempahan Rumah Penginapan Persekutuan	950	1,000	1,050

PROGRAM 7 : UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Objektif – Meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam Malaysia supaya lebih cekap, berkesan, responsif dan berintegriti.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif – Menyediakan perancangan korporat serta memastikan perkhidmatan sokongan dalam urusan kewangan, perkhidmatan, pentadbiran pejabat dan khidmat bantuan teknikal diberi dengan cekap dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kursus/seminar/bengkel dianjurkan	22	20	20
Bil. pengurusan mesyuarat	40	45	45
Bil. penyediaan ucapan/laporan	15	20	20
Bil. baucar disediakan	2,800	2,500	2,500
Bil. taklimat/lawatan	35	40	40

Aktiviti 2 : Pembangunan Pengurusan Dan Transformasi

Objektif – Memastikan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengesanan dan pemantauan ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti Agensi-agensi Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan melalui program-program pembaharuan dan pemodenan pentadbiran.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. lawatan inspektorat/lawatan kerja berjadual	16	15	15
Bil. lawatan *mystery shopping*	20	23	23
Bil. khidmat perundingan Pelan Strategik/ISO/KPI/KMK/MPK/ FM	10	11	11
Bil. seminar/bengkel	8	5	5
Bil. pengurusan/pemantauan projek	28	40	40

Aktiviti 3 : Teknologi Maklumat Dan Kerajaan Elektronik

Objektif – Merancang, menyelaras, memantau, memacu serta membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam perkhidmatan awam seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang awam dan sektor perniagaan dengan lebih cekap dan berkualiti secara elektronik.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. idea baru/kertas konsep/kertas kerja	14	61	63
Bil. kajian pengurusan ICT	16	18	23
Bil. khidmat perundingan ceramah/ taklimat	161	237	239
Bil. seminar/bengkel	94	76	106
Bil. pengurusan/pemantauan projek	25	29	31

PROGRAM 8 : JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Objektif – (a) Mewujudkan Undang-undang Islam berhubung pentadbiran Mahkamah Syariah yang seragam untuk diterima pakai di Negeri-negeri Gunasama; (b) Memastikan semua negeri menggunakan Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah; (c) Memastikan kes-kes Mahkamah Rayuan dikendalikan dengan adil, cekap dan teratur; dan (d) Memanfaatkan penggunaan sistem teknologi maklumat dengan meluas bagi melicinkan pentadbiran.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. pengurusan dan pengendalian kes-kes rayuan	100	120	120
Bil. peratusan tahap penyeragaman sistem pentadbiran mahkamah syariah di seluruh negara (%)	80	85	85
Bil. pengendalian Kes Mal dan Kes Jenayah	8,097	3,600	8,850

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. peratusan tahap penggunaan dan pelaksanaan sistem e-syariah (%)	100	100	100
Bil. peratusan tahap penguatkuasaan perintah mahkamah berkaitan isu nafkah (%)	70	70	80

PROGRAM 9 : MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)

Objektif – (a) Mengendalikan kes-kes Syariah dengan adil, teratur dan berkesan; dan (b) Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan kakitangan dari aspek hukum syarak, perundangan dan pengurusan.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Mahkamah Rayuan Syariah :			
Bil. kes didaftar	21	25	140
Bil. kes didengar, dibicara dan diputuskan	6	25	127
Mahkamah Tinggi Syariah :			
Kes Mal:			
Bil. kes didaftar	1,515	1,628	3,168
Bil. kes didengar, dibicara dan diputuskan	1,110	1,220	2,257
Kes Jenayah:			
Bil. kes didaftar	429	565	612
Bil. kes didengar, dibicara dan diputuskan	495	509	552
Unit *Sulh* (Mediasi) :			
Bil. kes didaftar	622	820	888
Bil. kes didengar, dibicara dan diputuskan	635	737	798

PROGRAM 10 : BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)

Objektif – (a) Membantu menyelesaikan aduan-aduan daripada orang awam terhadap jentera pentadbiran awam termasuk agensi yang diswastakan dengan cekap dan berkesan; dan (b) Menyelesaikan semua aduan yang diterima ke tahap optimum.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. aduan yang diterima	14,700	15,500	16,300
Bil. aduan yang diselesaikan	14,502	14,400	15,200
Bil. aduan diselesaikan dalam 15 hari	7,155	7,750	8,150
Bil. Program Proaktif (KAB/KABB/ MESRA)	134	160	160

PROGRAM 11 : INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

Objektif – Meningkatkan pengetahuan, kepakaran, kualiti dan prestasi pegawai-pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematik dan terancang.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kursus dikendalikan	105	115	103
Bil. peserta kursus	3,622	4,278	4,567

PROGRAM 12 : BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)

Objektif – Memastikan perancangan dan pelaksanaan prasarana bagi menambahbaik sistem pentadbiran keadilan dan penyelarasan penggubalan dasar serta undang-undang secara cekap, teratur dan berkesan.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif – Memastikan pengurusan pembangunan mahkamah, urusan jemaah pengampunan, sistem maklumat, pembangunan modal insan dan pentadbiran kewangan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kertas jemaah pengampunan disediakan	26	26	26
Bil. projek pembangunan infrastruktur mahkamah disiapkan	3	25	25
Bil. sistem maklumat dibangunkan, dilaksanakan dan diselenggarakan	5	11	11
Bil. kursus/latihan dianjurkan	31	20	25
Bil. baucar pembayaran diproses	2,586	2,050	2,050

Aktiviti 2 : Biro Bantuan Guaman

Objektif – Memberi perkhidmatan bantuan dan nasihat guaman serta khidmat perantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkelayakan dengan cekap, tepat dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. khidmat nasihat perundangan (sivil/syariah)	22,963	25,260	27,786
Bil. khidmat guaman untuk kes sivil	6,152	6,768	7,445
Bil. khidmat guaman untuk kes syariah	9,706	10,677	11,745
Bil. khidmat pengantaraan secara aman/damai di luar mahkamah/kes tidak perlu dibawa ke mahkamah	3,816	4,197	4,617

Aktiviti 3 : Jabatan Insolvensi Malaysia

Objektif – Memastikan urusan pentadbiran dan perkhidmatan insolvensi dilaksanakan selaras dengan kehendak undang-undang dan keperluan pelanggan dengan cekap, cepat dan berkesan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. peningkatan pelepasan bankrap	6,219	4,000	4,500
Bil. peningkatan pelepasan kes penggulung syarikat dalam pentadbiran	1,403	1,000	1,000
Bil. kes-kes pendakwaan	894	500	500

PROGRAM 13 : PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Objektif – Memastikan Jabatan mempunyai sumber manusia, kewangan, peralatan dan prasarana yang mencukupi dan sesuai untuk membolehkannya menjalankan peranan dan tugas secara berkesan dan memastikan semua kes-kes yang didaftar di Mahkamah dapat diselesaikan dengan segera, adil dan berlandaskan prinsip undang-undang negara serta dihormati dan diyakini oleh semua pihak.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Mahkamah Persekutuan:			
Bil. kes didaftar	713	801	889
Bil. kes selesai	708	792	879
Mahkamah Rayuan:			
Bil. kes didaftar	8,126	10,850	13,399
Bil. kes selesai	7,483	10,006	12,509
Mahkamah Tinggi:			
Bil. kes didaftar	84,178	100,054	112,747
Bil. kes selesai	107,542	138,322	162,593
Mahkamah Sesyen:			
Bil. kes didaftar	185,916	122,211	150,055
Bil. kes selesai	204,298	129,691	159,066
Mahkamah Majistret:			
Bil. kes didaftar	1,794,168	1,102,028	1,127,535
Bil. kes selesai	1,656,704	1,075,586	1,094,480

PROGRAM 14 : BAHAGIAN HAL EHWAL PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (BHEPMM)

Objektif – Merancang, merangka, menggubal dan memantau dasar-dasar penguatkuasaan maritim serta membantu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menjadi sebuah agensi yang cekap dengan menyediakan peralatan dan infrastruktur melalui pembangunan dan perolehan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kajian dasar-dasar berkaitan maritim	4	3	3

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kertas Jemaah Menteri	2	3	3
Bil. proses tender	9	7	7
Bil. pemantauan projek	10	9	10
Bil. pembayaran bil	987	1,000	1,000

PROGRAM 15 : PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Objektif – (a) Menjadi penasihat kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan dalam perkara-perkara yang berkaitan kefahaman Islam meliputi semua aspek termasuk akidah, syariah, ibadah, sosial dan ekonomi; (b) Mengeluarkan panduan-panduan fatwa yang sistematik untuk masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan terutama berkaitan masalah semasa; (c) Mengawal perkembangan pengajaran Agama Islam di Wilayah Persekutuan mengikut garis panduan dan peraturan yang ditetapkan; dan (d) Mewujudkan dan menyelaras Taqwim Hijriah, Taqwim Solat dan penentuan arah kiblat di Wilayah Persekutuan dengan seluruh negeri-negeri di Malaysia.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam	4	5	5
Bil. pengeluaran keputusan fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak	17	20	20
Bil. proses permohonan tauliah/ kebenaran mengajar	626	600	600
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa melihat anak bulan	2	2	2

PROGRAM 16 : AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)

Objektif – (a) Menentukan Zon Maritim Malaysia selamat dan aman untuk pengguna; (b) Mengurangkan kehilangan nyawa dan harta benda di laut berasaskan piawaian yang ditetapkan; (c) Mewujudkan kerjasama mencari dan menyelamat serantau yang berkesan; dan (d) Mewujudkan suasana yang kondusif bagi membolehkan komuniti maritim bekerjasama dengan APMM.

Aktiviti 1 : Ketua Pengarah

Objektif – Memastikan pencapaian objektif, misi dan visi APMM yang telah ditetapkan melalui pelaksanaan tugas secara cekap dan berkesan dalam aspek perancangan angkatan, peralatan dan kelengkapan, perisikan, undang-undang serta pendidikan dan latihan.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. pendakwaan	365	200	250
Bil. laporan risikan	627	650	650

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. tangkapan risikan	101	100	100
Bil. latihan asas diadakan	3	2	3
Bil. projek perolehan peralatan/ kelengkapan	10	10	10

Aktiviti 2 : Pengurusan

Objektif – Memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan, perolehan, pembangunan sumber manusia, pembangunan, sistem teknologi maklumat dan pentadbiran diuruskan dengan cekap dan berkesan serta memenuhi tatacara dan prosedur yang ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kursus/latihan	225	92	102
Bil. mesyuarat/majlis diuruskan	90	100	100
Bil. baucar diproses	18,566	19,390	20,000
Bil. projek ICT dilaksanakan	13	11	12
Bil. sebut harga	17	20	18

Aktiviti 3 : Operasi

Objektif – Memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Negara terkawal melalui operasi pengawasan, penguatkuasaan undang-undang, pengesanan dan pencegahan dan penangkapan serta mencari dan menyelamat dilaksanakan secara efisien dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. pengesanan oleh Sistem Kewaspadaan Laut (SWASLA)	11,343	8,250	9,075
Bil. *ships day*	9,286	7,000	7,200
Bil. tangkapan	1,336	700	700
Bil. kompaun	415	475	475

Aktiviti 4 : Logistik

Objektif – Memastikan keperluan logistik yang efisien, berkesan dan sistematik disediakan bagi mendokong pelaksanaan objektif Bahagian Operasi dan Bahagian Pengurusan.

Output	PRESTASI AKTIVITI 2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. senggaraan kapal/bot	0	56	62

PROGRAM 17 : PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH

Objektif – (a) Bertindak sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan; (b) Membantu dan memudahcara pelaksanaan projek-projek Persekutuan bagi Rancangan Malaysia Ke-10 dan seterusnya pelan jangka panjang pembangunan negara dan mengenal pasti serta membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam proses tersebut; (c) Menjadi *mediator* secara langsung antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam perkara-perkara yang perlu perhatian terus kepada YAB Perdana Menteri; dan

(d) Bertindak sebagai pegawai perhubungan awam yang baik bagi mengeratkan lagi fungsi antara kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat dengan Pentadbiran Negeri	48	50	50
Bil. mesyuarat Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan/Agensi Pusat	9	12	12
Bil. program peningkatan Q dan produktiviti	12	14	14
Bil. mesyuarat dan aktiviti integrasi nasional	10	10	10
Bil. memudahkan pelaksanaan projek pembangunan menerusi mesyuarat dan lawatan	33	34	34

PROGRAM 18 : PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Objektif – (a) Bertindak sebagai penghubung antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri; (b) Mewujudkan saluran perhubungan mengenai maklumat penting dan terkini di Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan; (c) Bertindak sebagai perhubungan awam kepada Kerajaan Persekutuan; (d) Meningkatkan program Pengurusan Kualiti dan Produktiviti; dan (e) Memudah cara pelaksanaan projek-projek pembangunan Persekutuan dan Sarawak.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat perhubungan	6	12	12
Bil. mesyuarat pengurusan kualiti	3	6	6
Bil. mesyuarat pembangunan dan pemantauan projek	7	15	17
Bil. lawatan pemeriksaan ke atas Kuarters Guna Sama Persekutuan	5	6	10
Bil. pembaikan kecil kepada kuarters	37	50	50

PROGRAM 19 : JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

Objektif – Memastikan perancangan, penyelarasan, pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan lebih berkesan demi kemajuan ummah.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. mesyuarat/bengkel diadakan	158	187	192
Bil. lawatan kerja/perbincangan dalam Majlis Agama Negeri-Negeri bagi melaksanakan fungsi jabatan	12	22	26
Bil. kertas Jemaah Menteri dan kertas konsep	12	29	29
Bil. penerbitan manual/artikel	18	15	15
Bil. baucar bayaran diproses	940	1,000	1,100

PROGRAM 20 : JABATAN PERANGKAAN

Objektif – Memastikan penyediaan, penafsiran dan penyebaran perangkaan yang berkualiti, terkini, lebih cekap dan berkesan bagi tujuan pembentukan pelaksanaan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan Dan Sokongan

Objektif – Memastikan hal-hal pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, penyelenggaraan dan pentadbiran, pengaplikasian ICT, publisiti dan pembangunan latihan sumber manusia dapat dijalankan dengan efisien untuk kelancaran pelaksanaan visi, misi dan fungsi Jabatan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. urusan pengesahan pelantikan	58	60	60
Bil. penyediaan baucar tuntutan perjalanan, bil dan elaun lain	4,400	4,500	4,500
Bil. sistem aplikasi disiapkan	43	47	47
Bil. kursus dalaman/luar dijalankan/ diselaraskan	115	115	115

Aktiviti 2 : Sosial/Demografi

Objektif – Mengeluarkan perangkaan harga, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, mengeluar perangkaan penduduk dan perumahan negara yang berkualiti, menyampaikan maklumat dan indikator kependudukan yang terkini dan terperinci, menyediakan perangkaan pertanian yang bertepatan masa, perangkaan alam sekitar yang mengikut piawaian antarabangsa dan mengeluarkan data dan indikator tenaga buruh.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. laporan Indeks Harga Pengguna	36	36	36
Bil. manual dan dokumen banci dihasilkan	45	45	45
Bil. indikator PTB bulanan	12	12	12
Bil. menganalisis Data Siri Masa Alam Sekitar	1	1	1

Aktiviti 3 : Ekonomi

Objektif – Mengeluarkan perangkaan akaun negara, perangkaan sektor perkhidmatan yang berkualiti, menyediakan perangkaan industri pembuatan, pembinaan, perlombongan, pertanian dan pengkuarian, mengeluarkan penunjuk ekonomi makro terpilih bagi membantu Kerajaan, menyusun dan menganalisis perangkaan imbangan pembayaran dan pembangunan perangkaan luar negeri yang berkualiti.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. laporan KDNK suku tahunan peringkat Malaysia dikeluarkan	4	4	4
Bil. penerbitan Indeks Borang dan Runcit	4	4	4

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. penyemakan pertubuhan bancian / penyiasatan	264,868	264,868	264,656
Bil. penerbitan Laporan Ekonomi Malaysia sepintas lalu (bulanan)	12	12	12
Bil. laporan perangkaan Imbangan Pembayaran Suku Tahunan, Malaysia	1	1	1

Aktiviti 4 : Perangkaan Negeri

Objektif – (a) Mengumpul, memproses dan mengeluarkan perangkaan berkualiti dan bertepatan masa dalam menyediakan analisis awalan bagi memenuhi keperluan pengguna dalaman Jabatan serta penyediaan perangkaan isi rumah dan pertubuhan yang lengkap dan kemaskini; (b) Meningkatkan peranan sebagai agensi penghubung di antara Jabatan dan Agensi-agensi di peringkat negeri dalam konteks penyebaran maklumat perangkaan; dan (c) Menentukan pembangunan sumber manusia yang kompeten dan profesional dalam melaksanakan tugas.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. penyiasatan bulanan	1,055,800	1,055,850	1,055,850
Bil. penyiasatan suku tahunan	79,000	79,000	79,000
Bil. penyiasatan separuh tahunan	1,100	1,100	1,100
Bil. banci/penyiasatan tahunan	160,500	161,000	161,000
Bil. pengemaskinian rangka	180,000	250,000	200,000

PROGRAM 21 : JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

Objektif – Memelihara, meningkat serta mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar Kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif – Memberi khidmat sokongan di dalam aspek pengurusan kewangan, sumber manusia dan pentadbiran am kepada semua anggota dan aktiviti lain Jabatan dengan cekap dan berkesan bagi membolehkan aktiviti Jabatan dijalankan dengan licin dan lancar.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. pesanan tempatan disediakan	674	600	600
Bil. baucar bayaran dikeluarkan	2,012	2,000	2,000
Bil. mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dikendalikan	4	4	4

Aktiviti 2 : Hubungan Antarabangsa

Objektif – Menjalinkan hubungan dalam dan luar negara yang erat bagi meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional di samping mempertingkatkan kesedaran masyarakat mengenai perpaduan dan integrasi nasional melalui promosi dan publisiti.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. lawatan hubungan luar negara diadakan	1	2	2
Bil. lawatan dari dalam dan luar negara diterima	1	2	2
Bil. aktiviti publisiti dan promosi	10	32	32

Aktiviti 3 : Pembangunan Komuniti

Objektif – Memupuk dan mempertingkatkan semangat kejiranan di kalangan rakyat Malaysia ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu secara cekap dan berkesan melalui Skim Rukun Tetangga dan Tabika Perpaduan.

PRESTASI AKTIVITI

Output	2010 (Sebenar)	2011 (Anggaran)	2012 (Anggaran)
Bil. kawasan Rukun Tetangga (RT) baru	550	500	500
Bil. Skim Rondaan Sukarela (SRS) baru	466	500	500
Bil. kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang aktif	2,500	2,500	2,500
Bil. permohonan tabika perpaduan di proses	50	50	50

Aktiviti 4 : Perpaduan Masyarakat Dan Integrasi Negara

